



(atas) PELAJAR UTHM berkesempatan mengabadikan gambar kenangan bersama anak-anak yatim.
(kanan) SISWI UTHM tersenyum gembira menyediakan juadah berbuka untuk anak-anak yatim.



28 pelajar UTHM jayakan jelajah Ramadan

Oleh HAMZAH SANUDIN

SERAMAI 28 pelajar termasuk pensyarah daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menjayakan program 'Jelajah Ihya Ramadan Sabah' pada 2 hingga 8 Julai lepas. Pelajar terlibat merupakan pelajar Seksyen 5, UWS 10303-Kenegaraan daripada Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan. Program itu dijalankan di beberapa tempat terpilih, antaranya Rumah Anak Yatim Ar-Raudhoh



PELAJAR UTHM bergotong-royong memasak bubur lambuk di Kg Karamunting.



AKBAL memasak bubur lambuk di Kg Karamunting, Sandakan.

negara," katanya. Pelajar memulakan aktiviti di Rumah Anak Yatim dengan menyediakan juadah berbuka puasa dan bersahur, memberikan kaunseling kepada anak yatim serta menyampaikan sumbangan kepada pengelola dan anak-anak yatim. Di Kg Karamunting Sandakan pula, pelajar memulakan program dengan mengadakan gotong royong membersihkan kawasan masjid, mengadakan program keluarga angkat dan menyediakan bubur lambuk sebagai juadah berbuka puasa. Pelajar juga berkesempatan melawat Semporna bagi melihat keadaan sebenar daerah itu yang merupakan produk pelancongan negeri sabah. Di samping itu, pelajar juga dapat melawat Kg Inderasabah yang




BERBUKA bersama anak-anak yatim di Rumah Anak Yatim Ar-Raudhoh.

Tawau, Kg Karamunting Sandakan, Semporna, Kunak dan Inderasabah. Manakala program bersama masyarakat Kg Pangkalan Kunak terpaksa dibatalkan disebabkan berlaku kebakaran besar baru-baru ini. Pengarah program Dr Mohd Akbal Abdullah

berkata, melalui jelajah itu pelajar bukan sahaja mendapat ilmu dan pengalaman yang baharu malahan mendapat pendedahan masyarakat luar, daripada perkampungan dan dapat merasai serta menyelami kehidupan sebenar anak-anak yatim melalui tinggal beberapa

hari bersama mereka. Katanya, melalui program ini juga, siswa dan siswi dapat melahirkan fikiran yang kreatif selain pelajar dapat menambahkan kemahiran berkomunikasi serta dapat mengeratkan hubungan persaudaraan dengan masyarakat luar. "Melalui program ini

juga, pelajar dianggap sebagai duta UTHM kerana masyarakat akan mengetahui UTHM dengan lebih dekat memandangkan UTHM bertapak di negeri Johor. Diharap juga program ini



AKBAL sempat memberi nasihat dan beramah mesra dengan salah seorang anak yatim.



AKBAL menerima cendera kenangan daripada pengerusi Masjid Kg Karamunting.

dapat melahirkan UTHM sebagai IPTA yang prihatin terhadap kedaulatan

merupakan antara pusat pengeluar ikan bilis terbesar di Sabah.